

Alumni UMS dipelawa kembali

tabur bakti

UM 20.8.2014 26

KOTA KINABALU 19 Ogos - Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjemput mana-mana bekas penuntut institusi pengajian tinggi awam itu untuk menyertai kumpulan alumni universiti tersebut.

Penolong Pendaftar Pusat Alumni UMS, Dayangku Rozlina Pengiran Aliuddin berkata, pihak Alumni ketika ini sedang giat 'menjejaki' bekas pelajar UMS yang menamatkan pengajian sejak 1999 lagi.

"Apa yang pihak alumni UMS harapkan adalah kesedaran dalam diri setiap graduan agar mereka dapat menyumbang kembali kepada universiti yang dicintai selepas tiga hingga empat tahun melanjutkan pengajian di sini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Dayangku Rozlina berkata, bagi merencanakan semula aktiviti alumni UMS, pihaknya merancang untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan kumpulan alumni UMS seperti Majlis Perjumpaan Semula Majlis Perwakilan Pelajar, Kejohanan Golf dan Makan Malam Alumni untuk mengumpul graduan terdahulu.

"Kami juga bercadang untuk menjadikan Persatuan Alumni UMS sebagai medan untuk alumni menyumbang idea ke arah kemajuan universiti," katanya.

Setakat ini, Pusat Alumni UMS melancarkan tujuh Bahagian UMS Alumni di beberapa zon seperti Kota Kinabalu, Pantai Timur Semenanjung, Lembah Klang, Pedalaman Bawah Sabah, Labuan, Tawau dan Sandakan.

Sehubungan itu, beliau berkata, alumni UMS yang ingin mengemas kini profil masing-masing boleh melayari <http://hepa.ums.edu.my/alumni/>.